

# **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Masalah

Kemunculan kumpulan-kumpulan yang mendakwa mereka sebagai pengamal sunnah Rasulullah s.‘a.w. yang sejati, sama ada di Malaysia, Indonesia, malah di seluruh dunia, bukanlah perkara baru dalam sejarah umat Islam. Kefahaman, pengamalan, dan penghayatan mereka terhadap sunnah Rasulullah s.‘a.w. seringkali menimbulkan polemik dan kontroversi di kalangan masyarakat, lantas melabelkan mereka dengan pelbagai gelaran seperti Kaum Muda, pembawa ajaran Wahabi dan sebagainya yang menyeleweng daripada aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.

Tanpa disedari, tohmahan dan tuduhan yang dilemparkan adalah suatu hujah rapuh dan tidak berasas. Apa ~~tidak~~nya, ia didasarkan oleh kefahaman dan penghayatan yang sempit oleh masyarakat dalam memahami konsep dan kehendak sunnah itu sendiri.

Jika kita menyoroti sejarah, selepas penurunan al-Quran dan periwayatan hadith, pengamalan sunnah mula menjadi sebat di kalangan umat Islam. Dunia menyaksikan betapa gemilangnya sejarah yang ditempa oleh umat Islam semasa hayat Rasulullah s.‘a.w. dan para sahabat.

Namun demikian, polemik demi polemik yang melanda umat Islam lewat kurun-kurun kewafatan Rasulullah s.'a.w. menatijahkan kemunculan pelbagai aliran seperti Syi'ah, Khawārij, Mu'tazilah dan sebagainya yang mencalitkan kesan parah yang bukan sedikit dalam tinta sejarah.

4

Di tengah-tengah kegawatan inilah, dunia Islam menyaksikan munculnya tokoh-tokoh ulung seperti Imām Aḥmad bin Ḥanbal, Ibn Taymiyyah, al-Māturidī dan Abū Ḥasan al-Asy'arī yang menuang jasa bermati-matian mempertahankan al-Quran dan al-Sunnah, sehinggalah umat Islam akhirnya menjadikan aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sebagai pegangan mereka.

Justeru, kajian ini cuba menyelidiki sejauh manakah pengamalan sunnah di kalangan kumpulan-kumpulan yang mendakwa mereka adalah pengamal sunnah sejati di negeri Selangor. Konsep sunnah dan pengamalannya di zaman Rasulullah s.'a.w., para sahabat dan tabi'in, di samping definisi dan konsep *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* akan dijadikan suatu panduan untuk menilai sejauh mana kebenaran dakwaan mereka.

Kajian ini juga diperpanjangkan lagi dengan menyaksikan dan meneliti sendiri kehidupan dan pengamalan sunnah di kalangan kumpulan-kumpulan ini. Hasil analisa tersebut akan dijadikan suatu ukuran dan perbandingan ke arah kesimpulan yang akan menoktahkan persoalan dan polemik yang berlaku.

## 1.2 Latar belakang Tempat

### 1.2.1 Kedudukan dan asal-usulnya

Selangor merupakan negeri yang paling kaya dan termaju di Malaysia.<sup>1</sup> Ia terletak di tengah-tengah persisiran pantai barat Semenanjung Malaysia. Negeri tersebut dilitupi gunung-ganang yang merupakan sebahagian daripada banjaran utama Semenanjung.<sup>2</sup>

Selangor merupakan salah satu negeri Pantai Barat Malaysia. Perbatasan utaranya ialah negeri Perak yang dipisahkan oleh Sungai Bernam. Bahagian Selatannya bersempadan dengan Negeri Sembilan yang dipisahkan oleh Sungai Sepang. Sebelah Timurnya bersempadankan negeri Pahang yang dipisahkan oleh Banjaran Titiwangsa. Bahagian Barat negeri Selangor iaitu seluruh pantainya menghadap ke Selat Melaka.<sup>3</sup>

Ia merupakan negeri yang memiliki lima sungai<sup>4</sup> iaitu Bernam, Selangor, Klang, Langat dan Lukut<sup>5</sup> di samping turut dilengkapi dengan sembilan buah daerah. Selain daripada enam daerah asal iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Kelang, Kuala Langat, Ulu Langat dan Ulu Selangor, terdapat tiga daerah sebagai

---

<sup>1</sup>Pusat Kajian dan Penyelidikan (t.t), *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh Negeri Selangor Darul Ehsan*. Selangor : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, h. 17.

<sup>2</sup>(1989), *Enchanting Selangor Darul Ehsan*. Selangor : Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, h. 16.

<sup>3</sup>Asmad (1987), *Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur : Associated Education Distributors (M), h. 30.

<sup>4</sup>John Michael Gullick (1960), *A History of Selangor*. Singapura : Eastern Universities Press Ltd.

<sup>5</sup>Lukut dari segi sejarahnya merupakan sebahagian daripada Selangor yang kemudiannya diserahkan kepada Negeri Sembilan pada tahun 1880 sebagai tukaran bagi Semenyih. *Ibid*.



tambahan tidak termasuk Wilayah Persekutuan<sup>6</sup> iaitu Gombak, Petaling dan Sepang.<sup>7</sup>

Sejarah dan asal-usul Selangor masih tidak begitu jelas. Walaubagaimanapun, ramai sejarawan berpendapat bahawa nama Selangor adalah bersempena dari sungainya. Kuala sungai ini dinamakan Kuala Selangor, sebuah pekan di pinggir sungai. Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa telah ada manusia yang mendiami kawasan berhampiran dengan Sungai Selangor sejak lebih dua ribu tahun sebelum ini.<sup>8</sup>

Walaupun terdapat bahan-bahan artifak purbakala yang dijumpai di Selangor, nama asal Selangor tidak juga ditemui. Alat-alat seperti gendang dan loceng Dong So'n<sup>9</sup> yang telah dihasilkan pada zaman Gangsa-Besi, telah dijumpai di kawasan Kelang dalam tahun 1905 dan 1944 serta di kawasan Kampung Sungai Lang, Kuala Langat dalam tahun 1964. Penemuan ini telah membuktikan bahawa telah ada manusia yang mendiami kawasan Selangor lebih 2200 tahun lalu, iaitu di zaman pra-sejarah.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup>Kuala Lumpur sebelum diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1/2/74 juga merupakan sebahagian daripada negeri Selangor.

<sup>7</sup>Yusoff Hassan (1983), *Jugra dalam Sejarah*. Kuala Lumpur : Penerbitan Tra-Tra, h. 1.

<sup>8</sup>Zakiah Hanum (1989), *Asal-Usul Negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Book International, h. 73.

<sup>9</sup>Ada sesetengah sumber yang menyebut Dong So'n sebagai Dong Son sahaja. Rujuk Buyong Adil (1971), *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1.

<sup>10</sup>*Ibid.*

Pakar artifak berpendapat bahawa gendang dan loceng gangsa ini adalah menyamai gendang dan loceng gangsa yang telah dijumpai di Dong So'n, Indo-China. Ia dikatakan hasil buatan manusia zaman Kebudayaan Gangsa-Besi.<sup>11</sup>

Selepas itu, penemuan beberapa keping perkakas besi zaman dahulu yang tertanam di daerah Kelang yang lebih dikenali sebagai 'Tulang Mawas' oleh orang-orang Melayu merupakan suatu bukti bahawa tempat tersebut telahpun didiami oleh manusia primitif ribuan tahun yang lalu.<sup>12</sup>

Selain daripada penemuan-penemuan tersebut, tidak terdapat sebarang kisah mengenai sejarah Selangor dari zaman pra sejarah sehingga kurun ke-14. Mengikut catatan dalam Sejarah Melayu, Paduka Seri Maharaja yang memerintah Singapura dalam kurun ke-14 telah dilawati oleh Tun Jana Khatib dan sahabatnya yang hanya dikenali sebagai 'Tuan di Bunguran dan di Selangor'.<sup>13</sup>

Buku syair, Nagarakertagama yang dikarang dalam pertengahan kurun ke-14 Masihi juga menyebut bahawa pada masa tersebut, sebuah tempat yang bernama Kelang merupakan jajahan takluk kerajaan Majapahit selain daripada beberapa tempat lagi di Nusantara.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup>Zaman ini juga dikenali sebagai Zaman Kebudayaan Dong Son oleh ahli-ahli sejarah dan pakar artifak. Zaman ini telah bermula di Dong Son lebih kurang tiga ratus tahun sebelum Masihi dan telah meluas sehingga ke seluruh Nusantara hingga awal Kurun Ketiga Masihi. Gendang dan loceng dari gangsa (disebut juga tembaga *senam* atau *perunggu*) yang dijumpai di Kelang telah dibawa dari daerah-daerah Indo-China oleh orang-orang Melayu-Jati yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu melalui Thailand semasa lebih kurang 300 tahun sebelum Masihi. Mereka sememangnya mahir di dalam pertukangan besi dan merupakan pelopor di dalam membawa alat-alat gangsa dan besi ke Semenanjung Tanah Melayu, sekaligus membawa Kebudayaan Gangsa-Besi ke seluruh Nusantara. Rujuk *Ibid.*

<sup>12</sup>*Ibid.*, h. 2.

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup>*Ibid.*, h. 3

Sejarah Melayu juga menyebut bahawa dalam kurun ke-15, iaitu Zaman Kesultanan Melaka, daerah-daerah di Selangor seperti Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Selangor (bermaksud Kuala Selangor) merupakan jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka. Sekitar tahun 1526 pula, Kuala Selangor telah diperintah oleh seorang pembesar kepada Sultan Mahmud Syah Melaka ketika baginda bersemayam di Pulau Bentan.<sup>15</sup>

Walaupun asal-usul nama Selangor masih menjadi tanda tanya, terdapat beberapa cerita lisan yang menyebut tentang asal-usul nama negeri Selangor. Ada cerita mengatakan nama Selangor ialah dari sebutan seekor langau, sejenis serangga merupai lalat tetapi berwarna hijau.<sup>16</sup>

### **1.2.2 Keluasan kawasan dan jumlah penduduk**

Keluasan Selangor ialah 7956 kilometer persegi.<sup>17</sup> Bandar Shah Alam dijadikan ibu negeri. Kota Darul Ehsan yang merentangi Lebuhraya Kuala Lumpur-Kelang dijadikan sempadan utara Selangor dengan Wilayah Persekutuan.

Selangor merupakan negeri yang paling padat penduduknya di Malaysia.<sup>18</sup> Pada tahun 2000, jumlah penduduknya ialah seramai 3.287 juta orang<sup>19</sup> walaupun

---

<sup>15</sup>Zakiah Hanum, *op.cit.*, h. 74.

<sup>16</sup>Yusof Hasan (1981), *Sejarah Dan Kesan-kesan Sejarah Kuala Selangor*. Selangor : Penerbitan Tra-Tra, h. 7.

<sup>17</sup>Khoo Soo Gim (1995), *Laporan Penduduk Negeri Selangor 1991-1995*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 1.

<sup>18</sup>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (t.t), *Perangkaan Negeri Selangor 1993*. Selangor : Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Selangor, h. 15.

<sup>19</sup>Unit Perancang Ekonomi (1996), *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, h. 147.

jangkaan penduduk pada tahun tersebut hanyalah seramai 3.281 juta orang.<sup>20</sup> 46.5% adalah terdiri daripada orang Melayu, 31.9% diwakili masyarakat Cina, 16.1% merupakan kaum India dan 5.4% merupakan penduduk bangsa lain.<sup>21</sup>

### 1.2.3 Kegiatan dan taraf ekonomi penduduk

Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di negeri ini ialah sebagai pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan sejumlah (9.5%), pekerja pentadbiran dan pengurusan (4.5%), perkeranian dan yang berkaitan (16.0%), pekerja jualan dan yang berkaitan (10.9%), pekerja perkhidmatan (12.0%), pekerja pertanian, ternakan dan perhutanan, nelayan dan pemburu (9.1%), pekerja sektor pengeluaran dan yang berkaitan dan pengendali peralatan pengangkutan dan buruh (38.0 %).<sup>22</sup>

Pembangunan ekonomi yang pesat di negeri Selangor terutamanya lewat 1990an sehingga kini telah memberi kesan positif kepada pengagihan pendapatan. Pada tahun 1997, pendapatan bulanan isi rumah ialah RM 4000.00, menduduki *ranking* kedua negara ini selepas Wilayah Persekutuan.<sup>23</sup> Kadar kemiskinan di negeri ini juga terus berkurangan. Pada tahun 1997, kadar kemiskinan ialah 1.3%, peratus kedua rendah di Malaysia.<sup>24</sup>

---

<sup>20</sup>Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (2000), *Laporan Ekonomi Negeri Selangor Darul Ehsan 1999/2000*. Selangor : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, h. xx.

<sup>21</sup>Khoo Soo Gim, *op.cit.*, h. 6.

<sup>22</sup>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, *op.cit.*, h. 53.

<sup>23</sup>Pusat Penyelidikan dan Pembangunan, *op.cit.*, h. 14.

<sup>24</sup>*Ibid.*

#### 1.2.4 Sejarah ringkas kedatangan Islam di Selangor

Sepanjang kajian yang dijalankan, penulis tidak menemui sebarang kajian yang ditulis khusus berkenaan sejarah kedatangan Islam di Selangor. Kesemua rujukan yang didapati, boleh dikatakan hanya mengupas sejarah kedatangan Islam di Nusantara (atau disebut juga sebagai negeri-negeri Melayu)<sup>25</sup> khususnya dan Malaysia (dulunya dikenali sebagai Tanah Melayu) umumnya tanpa memperincikan kepada negeri-negeri yang termasuk dalam kawasannya. Memandangkan Selangor merupakan salah satu negeri di Malaysia, sejarah ringkas berkenaan kedatangan Islam di Malaysia dan Nusantara dirasakan sudah cukup untuk menggambarkan bagaimana Islam boleh bertapak di Selangor.

Para sejarawan mempunyai beberapa pandangan tentang teori kedatangan Islam ke Malaysia. Pada umumnya, pandangan ini berkisar pada persoalan bila, dari mana, oleh siapa dan bagaimana Islam disebarkan ke sini. Pendapat-pendapat para sejarawan ini dapat dirumuskan dalam tiga hipotesis :<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup>Maksud negeri-negeri Melayu atau disebut sebagai pulau-pulau Melayu adalah bermula dari Semenanjung Tanah Melayu, seterusnya ke Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan pulau-pulau Nusantara. Pulau-pulau Maluku termasuk Irian, sehingga ke pulau-pulau Luzon dan Mindanao yang sekarang dikenali sebagai Filipina. Namun, pembahagian politik menyebabkan negeri-negeri itu sebahagiannya telah termasuk ke dalam negara Thailand, iaitu Melayu Pattani dan Ligor. Semenanjung Tanah Melayu telah membentuk Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Istilah Gugusan Kepulauan Melayu (Malay Archipelago), sekarang merupakan Republik Indonesia, dan Kalimantan sebelah utara (Brunei dan Sarawak). Brunei berpemerintahan sendiri di bawah seorang sultan, manakala Sarawak dan Sabah bergabung menjadi Malaysia. Di sebelah utara pula merupakan gugusan pulau-pulau Luzon dan Mindanao, yang dikenali sebagai Filipina. Rujuk Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA)(Dr.)(1977), *Sejarah Umat Islam*, c.2. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 417-418

<sup>26</sup>Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 557.

## 1. Islam disebarkan dari Arab.

Hipotesis ini amat popular sehingga ke tahun 1883 M.<sup>27</sup> Ia dapat dibuktikan dengan kedatangan pedagang dan pelaut Arab yang telahpun berada di sekitar Asia Tenggara sejak sebelum lahirnya Islam. Setelah memeluk Islam, mereka turut menyebarkannya kepada para penduduk di Kepulauan Melayu.<sup>28</sup>

Sebahagian besar daripada pedagang Arab yang belayar ke kawasan ini pada peringkat awal datang dari Yaman, Hadramaut dan Oman di bahagian Selatan dan Tenggara Semenanjung Tanah Arab. Ini bermakna, Islam telahpun diperkenalkan di kawasan ini sejak abad pertama Hijrah lagi (abad ke-7 Masihi).<sup>29</sup>

## 2. Islam disebarkan dari India.

Selepas tahun 1883 M, muncul satu teori yang menyatakan bahawa Islam yang telah disebarkan di kawasan ini sebenarnya bermula dari India.<sup>30</sup> Alasan-alasan yang dikemukakan bagi mengukuhkan teori ini, antaranya ialah :

- i) Batu-batu nisan awal yang dijumpai di Asia Tenggara telah diimport dari Kambay (Kembayat) di Gujerat.

---

<sup>27</sup>*Ibid.*

<sup>28</sup>*Ibid.*, h. 559., Abdul Rahman al-Ahmadi (Drs.)(1981), *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara* (Buku Kecil Sempena Pameran Hasil Sumbangan Islam Hingga Abad ke-15H, di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah, 21/11-5/12/1981),h. 10.

<sup>29</sup>*Ibid.*

<sup>30</sup>*Ibid.*, h. 557.

- ii) Peranan yang sangat penting dimainkan oleh pedagang-pedagang Gujerat di Kepulauan Melayu dan kesannya terhadap penyebaran Islam.
- iii) Tradisi kesusasteraan Melayu yang lebih mirip kepada tradisi India-Islam.
- iv) Beberapa catatan daripada pengembara yang pernah melawat kawasan ini sekitar abad ke-13 dan 14 M seperti catatan Marco Polo<sup>31</sup> dan Ibn Battutah<sup>32</sup> serta penemuan makam Sultan Malik al-Salleh, pemerintah Pasai yang mangkat pada 1297 M.

### 3. Islam disebarikan dari China.

Hipotesis ketiga ini berlandaskan kepada perpindahan beramai-ramai orang Islam dari Canton ke Asia Tenggara sekitar tahun 876 M. Ia berlaku akibat tercetusnya satu pemberontakan di sana yang telah mengorbankan beratus-ratus ribu orang Islam.<sup>33</sup> Justeru, orang-orang Islam telah meninggalkan tenggara China untuk menumpukan perhatian ke Asia Tenggara. Mereka telah mendiami Palembang, Kedah, Brunei dan pesisir pantai Timur Tanah Melayu seperti Patani, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

<sup>31</sup>Catatan Marco Polo, seorang pengembara terkenal berbangsa Venesia menyebut bahawa lebih kurang pada tahun 1292 M, beliau telah mendapati ada di kalangan penduduk Kerajaan Perlak, Sumatera Utara telahpun memeluk Islam. Rujuk, T. W. Arnold (1968), *The Preaching Of Islam*, c.3. Lahore : S.H. Muhammad Asyraf Kasymiri Bazar, h. 371., HAMKA, *op.cit.*, h. 438.

<sup>32</sup>Beliau merupakan seorang ahli pengembara dan penulis berbangsa Arab yang telah membuat lawatan ke Sumatera pada tahun 1345, menyatakan bahawa Raja Samudera pada masa itu telahpun memeluk agama Islam. Rujuk H.B. Ahmad dan J. B. Baba (1963), *Tawarikh Tanah Melayu*. Kelantan : Muslim Printing Press, h. 14.

<sup>33</sup>Saiyid Qudrat Altah Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*. Singapura : Malaysian Sociological Research Institute, h. 4.

Kesan daripada pertapakan mereka telah dibuktikan melalui peninggalan bahan-bahan artifak seperti :<sup>34</sup>

- i) Batu nisan Syeikh Abdul Qadir bin Husin Syah Alam di Langgar, Kedah bertarikh 291H bersamaan 903M.<sup>35</sup>
- ii) Batu nisan di Pekan, Pahang bertarikh 1028M.
- iii) Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303M.

Secara ringkasnya, ketiga-tiga teori yang dikemukakan ini mempunyai alasan-alasan serta bukti-bukti kukuh yang sukar untuk dipertikaikan. Walaubagaimanapun, pendapat pertama merupakan pendapat yang paling dipersetujui oleh para sejarawan dan mendapat sokongan ramai.<sup>36</sup>

Proses Islamisasi yang berlaku di Malaysia pada dasarnya mengalami dua fasa yang boleh disimpulkan sebagaimana berikut :

**Fasa pertama** : Bermula dari abad ke-7 sehingga 13M, kebanyakannya disebarkan oleh orang-orang Arab.

**Fasa Kedua** : Bermula dari abad ke-13 dan seterusnya yang dijalankan oleh para pendakwah India, Arab, China dan juga penduduk-penduduk tempatan.<sup>37</sup>

<sup>34</sup>Mahayudin Hj. Yahaya, *op.cit.*, h. 559.

<sup>35</sup>Wan Hussein Azmi (1978), *Islam di Malaysia : Kedatangan dan Sejarah Perkembangannya*. Kuala Lumpur : Jawatankuasa Kecil Penerbitan dan Percetakan Bulan Dakwah SeMalaysia, h. 6.

<sup>36</sup>Mahayudin, *loc.cit.*

<sup>37</sup>Abdul Rahman Haji Abdullah (1981), *Sejarah dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h 239



Tahap ini memperlihatkan beberapa ciri yang tersendiri :<sup>38</sup>

- i) Pada tahun 1200-1400M, bidang Fiqh yang banyak memainkan peranan di kalangan orang-orang Melayu, sedangkan konsep Tauhid masih kabur. Tahap ini dapat disifatkan sebagai Islamisasi dari segi luaran.
- ii) Pada tahun 1400-1700M, di samping meneruskan proses di atas, aspek yang banyak memainkan peranannya ialah ilmu Tasawwuf dan Ilmu Kalam, iaitu pentafsiran konsep-konsep tauhid. Tahap ini boleh dikatakan mengubah jiwa orang Melayu.
- iii) Sejak tahun 1700M dan seterusnya, di samping menyambung kedua-dua tahap yang telah dinyatakan, tahap inilah bermulanya proses pembaratan (*Westernisation*). Ia menekankan sikap rasionalisme, individualisme dan internasionalisme yang sebelum ini telahpun diperkenalkan oleh Islam secara ideal tetapi telah dibentuk mengikut acuan Barat.

### 1.2.5 Orientasi pemikiran masyarakat Islam di Selangor<sup>39</sup>

Masyarakat Islam di Malaysia termasuklah penduduk-penduduk Selangor telah melalui beberapa proses perkembangan pemikiran yang berlaku seiring

<sup>38</sup>*Ibid.*, Lihat juga Syed Naguib al-Attas (1968), "A General History of The Islamization of The Malay Indonesian Archipelago" (Kertas Kerja International Conference of Asian History by Department of History Universiti Malaya, 5-10 Ogos 1968), h. 18-19.

<sup>39</sup>Penulis telahpun menyatakan sebelum ini bahawa huraian berkenaan sejarah ringkas kedatangan Islam di Malaysia sudah cukup untuk menggambarkan bagaimana Islam boleh bertapak di Selangor berdasarkan hujah yang telahpun dinyatakan. Justeru di dalam subtopik ini, penulis telah menisbahkan orientasi pemikiran masyarakat Islam di Selangor dengan merujuk kepada orientasi pemikiran masyarakat Islam di Malaysia berasaskan hujah yang sama.

dengan perubahan peristiwa dan keadaan yang dilalui oleh mereka. Ia boleh disimpulkan sebagaimana berikut :

## 1. Kepercayaan Asli (*Animisme* dan *Dinamisme*)

Penduduk di Nusantara dikatakan menganut kepercayaan *animisme*<sup>40</sup> dan *dinamisme*<sup>41</sup> yang diwarisi daripada nenek moyang mereka sebelum menerima pengaruh-pengaruh lain.<sup>42</sup>

Kepercayaan *animisme* wujud dalam bentuk kepercayaan kepada penunggu atau puaka yang menghuni sesuatu tempat, manakala kepercayaan *dinamisme* pula merupakan kepercayaan adanya jiwa, penunggu, semangat atau roh nenek moyang yang dianggap berkuasa menentukan hidup mereka, sama ada baik atau buruk.

Rentetan itulah timbul pula kepercayaan lain tentang adanya orang tertentu yang mempunyai kewibawaan sebagai penghubung atau perantara dengan kuasa ghaib tersebut. Dalam kalangan masyarakat Melayu, penghubung ini dikenali sebagai bomoh, dukun atau pawang.<sup>43</sup>

---

<sup>40</sup> *Animisme* bermaksud satu kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai jiwa atau roh yang memiliki keperibadian tersendiri. Rujuk Noresah Baharom (ketua ed.) (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 51.

<sup>41</sup> Sebagaimana *animisme*, teori *dinamisme* juga merupakan suatu bentuk kepercayaan tentang adanya jiwa atau roh di mana-mana. Cuma, perbezaannya terletak pada kepercayaan bahawa jiwa tersebut mempunyai tenaga atau kekuatan yang dapat membawa kesan, sama ada baik atau buruk. Rujuk Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara : Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*

Unsur *animisme* amat ketara dalam amalan perbomohan yang menggunakan jampi dan mantera dalam usaha meminta pertolongan kepada kuasa alam di sekelilingnya.<sup>44</sup>

## 2. Pengaruh India (Hindu-Buddha)

Dari segi masa, golongan yang dianggap mula-mula sekali datang ke Asia Tenggara dengan tujuan khusus untuk mengembangkan fahaman ialah mubaligh Buddha. Tokoh-tokoh agama Buddha ini merupakan utusan Maharaja Asoka, seorang raja yang termasyhur dari Dinasti Maurya (330-180SM).<sup>45</sup>

Selepas itu, barulah diikuti oleh para penganut Hindu dan mereka yang dianggap merintis jalan dalam mengembangkan pengaruh India ialah golongan Vaisya, iaitu golongan pedagang dalam kasta Hindu.<sup>46</sup>

Masyarakat Melayu menerima pegangan agama Hindu-Buddha ini tanpa meninggalkan kepercayaan *animisme* dan *dinamisme* yang telah sedia ada sebelum kedatangan kedua-dua agama tersebut. Jadi, di samping mereka bersikap toleransi terhadap pengaruh baru, mereka juga bersikap fanatik terhadap warisan asli.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup>*Ibid.*

<sup>45</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h. 19-20.

<sup>46</sup>*Ibid.*

<sup>47</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas (1992), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

Kesan kedatangan kedua-dua agama tersebut sedikit sebanyak telah meninggalkan pengaruh kepada masyarakat Melayu. Antaranya ialah wujudnya doktrin *panteisme*,<sup>48</sup> juga konsep kepercayaan bahawa raja dianggap penjelmaan dewa-dewa; mengakibatkan lahirnya ketaatan membuta-tuli di kalangan rakyat. Sesiapa yang menderhaka kepada raja dipercayai akan ditimpa tulah.<sup>49</sup>

### 3. Pengaruh Syi'ah

Sebelum ini, penulis telah menyebut bahawa salah satu hipotesis kedatangan Islam ke Nusantara adalah dari Tanah Arab. Golongan Arab Islam yang lebih awal menyebarkan pengaruhnya di sini, antaranya ialah penyokong atau penganut Syi'ah.<sup>50</sup>

Sememangnya agak sukar untuk mengukur sejauh mana pengaruh Syi'ah pada peringkat awal kedatangannya pada masa itu. Namun demikian, di antara unsur-unsur ajaran Syi'ah yang berkembang di Nusantara ialah tentang keutamaan yang terlampau terhadap 'Ali bin Abu Talib, doktrin Nur Muhammad,<sup>51</sup> fahaman

<sup>48</sup>Doktrin *Panteisme* atau disebut sebagai kesatuan segala *mawjud* (benda yang wujud / setiap benda atau makhluk) adalah berasal daripada kitab Upanishad, salah satu kitab ajaran Hindu yang mengandungi ajaran bahawa alam semesta ini serta segala isinya hanyalah merupakan maya atau khayal sahaja, sebenarnya tidak ada. Manusia yang dikenali sebagai 'atman' hanya merupakan jelmaan Tuhan yang disebut Brahman. Dia boleh kembali bersatu dengan Brahman selepas melalui kesengsaraan duniawi. Rujuk Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 10-11.

<sup>49</sup>*Ibid.*, h. 15.

<sup>50</sup>*Ibid.*, h. 97.

<sup>51</sup>Doktrin Nur Muhammad antaranya mengandungi tiga konsep tentang Nur Muhammad. **Konsep Pertama** : Makhluk yang mula-mula dijadikan Allah SWT ialah Nur Muhammad. **Konsep Kedua** : Nabi Muhammad s.a.w dijadikan daripada Nur Allah. **Konsep Ketiga** : Jika tidak kerana Muhammad maka tidak akan dijadikan makhluk-makhluk lain. Rujuk Zakaria @ Mahmud b. Daud (1996), "Soalan Peserta dan Jawapan Kertas Kerja Hubungan Akidah Imam al-Asyari dan Al-Asyairah,"(Prosiding Seminar Akidah Ahlis Sunnah Wal Jamaah anjuran Badan Perkhidmatan Penerangan Islam, Selangor dan Wilayah Persekutuan, Malaysia dan Persatuan Ulama Pulau Pinang dan Seberang Perai di Universiti Teknologi Malaysia, 25 Disember 1996),h. 110.

Catatan terawal tentang pengaruh tasawwuf falsafah di Nusantara ialah pada tahun 1165M yang dibawa oleh Syeikh Abdullah Arif, seorang mubaligh sufi. Beliau banyak menulis kitab; salah satunya kitab *Baḥr al-Laḥūṭ* yang mengandungi huraian tentang ajaran Nur Muhammad yang menyamai ajaran al-Hallāj (858-922).<sup>59</sup>

Bagaimanapun, tidak dinafikan unsur-unsur tasawwuf akhlak turut tersebar pada peringkat awal ini. Saluran utamanya ialah melalui sastera hikayat, sama ada bermediumkan lisan atau tulisan, di samping kitab-kitab karangan ulama tokoh tasawuf.<sup>60</sup>

## 5. Aliran Sunni dan Syāfi‘ī

Pegangan umat Islam di Tanah Melayu kepada aliran bermazhab ada kaitan dengan sejarah kemasukan Islam itu sendiri. Salah satu hipotesis kedatangan Islam adalah dibawa oleh pedagang Islam dari Wilayah Hadramaut dan Gujerat India. Masyarakat di kedua-dua tempat itu berpegang kepada mazhab Syāfi‘ī. Secara tidak langsung, ajaran dan amalan yang menjadi isi dakwah adalah berpandukan mazhab Syāfi‘ī.<sup>61</sup>

Selain itu, kejatuhan Baghddad pada tahun 1258 M, menyebabkan munculnya zaman kebekuan dan aliran *mazhabiyyah* dalam pemikiran hukum,

<sup>59</sup>Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 150-151

<sup>60</sup>*Ibid.*

<sup>61</sup>Abdul Halim El-Muhammady (Dr.)(1989), "The Influence of Shafie School in The Muslim Law in Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam di Dewan Muktamar Pusat Islam, 9-11 Oktober 1989), h. 195.

turut mempunyai kaitan dengan pegangan terhadap mazhab Syāfi'ī. Ini adalah kerana pada zaman inilah juga berkembangnya agama Islam secara besar-besaran di Nusantara.<sup>62</sup>

Pendakwah Islam yang datang kebanyakannya bermazhab Syāfi'ī. Justeru, mereka bukan setakat berjaya mengislamkan penduduk Tanah Melayu tetapi dalam masa yang sama turut memperkenalkan mazhab Syāfi'ī.<sup>63</sup> Konsekuennya, asas mazhab ini telah lebih dahulu dikenali oleh orang Melayu sejak mereka menerima Islam berbanding mazhab-mazhab lain. Ini menjadikan mereka begitu fanatik serta menolak mazhab lain. Tambahan pula, kaedah hukum yang digunakan dalam mazhab Syāfi'ī adalah serasi dengan masyarakat di sini.<sup>64</sup>

Mazhab Syāfi'ī terus berkembang dalam institusi pengajian Islam di Tanah Melayu melalui sistem pondok, masjid dan surau-surau. Buku-buku rujukan yang digunakan adalah merujuk sepenuhnya kepada mazhab ini.

Beberapa buah buku tulisan Jawi yang terkenal dikarang oleh ulama beraliran Syāfi'ī dari Pattani, Thailand atau Indonesia menjadi antara teks penting dalam sistem pondok. Nama-nama besar seperti Syaykh Daud bin Syaykh Abdullah al-Fattani, yang mengarang kitab *Hidāyāt al-Muta'allim*, *Munyah al-Muṣallī* dan *Furū' al-Masā'il* dan Muhammad bin Ismail Daud al-Fattani yang

---

<sup>62</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 119.

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> *Ibid.*

mengarang kitab *al-Wāfi' wa al-Naḥw al-Ṣāfi* dan *Maṭla' al-Badrayn*, merupakan antara ulama tersohor Pattani yang cukup sinonim dengan mazhab Syāfi'.<sup>65</sup>

## 6. Aliran *Islah*

i

Perkataan *islah*, *tajdid* dan reformasi merujuk kepada gerakan pembaharuan cara berfikir dan cara hidup dalam sesuatu masyarakat. Sejarah mencatatkan, evolusi tamadun dunia mengimplicasikan pelbagai tahap perkembangan pemikiran Islam. Malaysia sebagai sebahagian daripada dunia Islam juga tidak terkecuali menerima angin perubahan ini.

*Islah* dalam pemikiran Islam bukanlah bermaksud mencipta sesuatu yang baru dalam agama. Perkataan ini boleh diertikan sebagai suatu usaha memperbaiki dan meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam kepada golongan manusia yang telah memeluk Islam.<sup>66</sup> *Islah* tidak bermaksud menyepadukan Islam dengan bukan Islam, tetapi mencuci bersih wajah Islam dari unsur asing agar Islam yang diamalkan nanti saling tidak tumpah dengan Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad s. 'a.w. dahulu.<sup>67</sup>

<sup>65</sup> Abdul Halim El-Muhammady (Dr.), *op.cit.*, h. 196., Abdullah Ishak (Dr.) (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Selangor : Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia., h. 193.

<sup>66</sup> Ab. Aziz Mohd. Zain (1998), *Syahadah, Ibadah, Asabiah, Dakwah*. Selangor : Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd., h. 100., Mohammad Kamil Abdul Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 3.

<sup>67</sup> Abu al-A'la al-Mawdudi (1984), *Gerakan Kebangkitan Islam*. Hamid L.A. Basalamah (terj.), Bandung : Penerbit Risalah, h. 42.

### a. Sejarah ringkas

Gerakan *Islah* yang muncul di Tanah Melayu merupakan implikasi daripada seruan pembaharuan Asia Barat lebih daripada 200 tahun yang lalu. Nama-nama seperti Muhammad bin Abdul Wahab (1115H/1703M-1207H/1792M) (pemimpin gerakan *tajdid* di Arab Saudi pada abad ke-18), Jamaluddin al-Afghānī dan Muhammad Abduh (1849M-1905M), merupakan antara tokoh-tokoh yang signifikan dalam gelombang gerakan ini.<sup>68</sup>

Gerakan *Islah* di Tanah Melayu bermula di Negeri-negeri Selat pada awal abad 20an. Kebetulan pada masa itu, Tanah Melayu masih lagi berada dalam cengkaman penjajah dan agama Islam tidak dapat berperanan dengan sewajarnya. Tujuan utama gerakan ini ialah untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada al-Quran dan sunnah serta kemampuan untuk berjihad.<sup>69</sup>

Ia juga cuba menonjolkan tindakan penentangan terhadap keangkuhan Barat yang menjajah dan membelenggu agama Islam serta umatnya yang telah begitu lama bagi membolehkan umat Islam bangun dan mentadbir negaranya berlandaskan acuan al-Quran dan sunnah. Tokoh yang mempeloporinya ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin.<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup>Taufik Abdullah dan Sharon Siddique (1986), *Islam And Society in Southeast Asia*. Singapura : Institute of Southeast Asia Studies, h. 6.

<sup>69</sup>Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis : Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h. 5.

<sup>70</sup>*Ibid*.



Seterusnya, dengan kegigihan usaha beliau serta kemunculan tokoh-tokoh seperti Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas Mohd. Taha, Mohd Salim al-Kalali dan Datuk Haji Muhammad bin Haji Mohd. Said, telah menyemarakkan lagi api perjuangan tersebut. Mereka, meskipun menurut cara masing-masing, telah berjaya menerbitkan beberapa majalah yang berpengaruh seperti al-Imam, al-Ikhwan dan Pengasuh. Melalui medium penerbitan inilah, pembangunan masyarakat Islam dapat disuarakan.<sup>71</sup>

Percambahan idea yang telah dikemukakan kemudiannya berjaya mewujudkan beberapa sekolah Islam seperti Madrasah al-Hadi di Melaka (1917) dan Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang. Para pelajar keluaran institusi pendidikan inilah kemudiannya melanjutkan perjuangan pembaharuan ini.<sup>72</sup>

#### **b. Konflik Kaum Muda dan Kaum Tua**

Gerakan pembaharuan yang dibawa oleh tokoh-tokoh *Islah* mampu menjadi momentum perubahan dan mengakibatkan implikasi yang ketara kepada umat Islam pada masa itu.

Walaupun begitu, dari satu aspek, gerakan pembaharuan yang cuba diperkenalkan menjadi suatu kejutan terhadap tradisi beragama dan orientasi pemikiran yang telah pun sebatih dengan masyarakat setempat sejak sekian lama. Ia

---

<sup>71</sup>Mohd. Radzi Othman (Dr.) dan O. K. Rahmat (Dr.) (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, h. 28.

<sup>72</sup>*Ibid.*, h. 29.

telah berjaya membentuk *dualisme* pemikiran di Tanah Melayu. Golongan yang menerima seruan dari gerakan ini digelar Kaum Muda manakala golongan yang masih kekal dengan tradisi lama yang keseluruhannya berpegang dengan mazhab Syāfi'ī dan pandangan ulama Syāfi'īyyah dalam masalah agama, dikenali sebagai Kaum Tua.<sup>73</sup>

Konflik yang paling ketara berlaku dalam masalah cabang atau *furu'* agama Islam, walaupun sebenarnya pengislahan yang cuba dilakukan sebenarnya bukan sahaja berkaitan masalah ibadat tetapi merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan sebagainya. Konsekuennya, masyarakat Islam telah terperangkap dalam persoalan *khilafiah* yang berlarutan sekian lama.<sup>74</sup>

Kaum Muda telah mengkritik amalan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan. Mereka telah berusaha menentang pencemaran aqidah umat Islam yang berpunca daripada pengaruh adat resam serta *taqlid* buta, seterusnya berhasrat menyelesaikan perbalahan antara mazhab serta menghapuskan apa sahaja bentuk *bid'ah* dan khurafat yang telah sedia ada dalam masyarakat.<sup>75</sup>

---

<sup>73</sup>Hishamudin Hashim (1994), "Konsep Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah Perlis : Pandangannya Terhadap Persoalan Aqidah, Khurafat dan Bid'ah" (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 41.

<sup>74</sup>*Ibid.*

<sup>75</sup>Mohd. Yaakub @ Zulkifli bin Hj. Yusoff (1987), "Muhammad Abduh : Satu Kajian Mengenai Gerakan Pembaharuan dan Pengaruhnya Kepada Politik Islam Di Malaysia" (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 98., William R. Roff (1994), *The Origins of Malay Nationalism*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 78., Harun Nasution dan Azyumardi Azra (1985), *Perkembangan Modern Dalam Islam*. Jakarta : Yayasan Obor Indonesia., h. 22-23.

Akibat sikap lantang Kaum Muda ini menyebabkan Kaum Tua sukar menerima aliran baru ini. Mereka merasakan tradisi hidup beragama telah tercabar. Tokoh-tokoh Kaum Muda dituduh sebagai pemecah perpaduan umat Islam sehingga dianggap menyalahi *ijma'*.<sup>76</sup>

;

Polemik serta konflik Kaum Muda dan Kaum Tua ini telah berlarutan dari dahulu sehingga sekarang. Natijahnya, masyarakat semakin tenggelam dalam membicarakan masalah yang terlalu *furu'* dalam aspek tertentu terutama aqidah dan fiqh.

### 1.3 Pengertian Tajuk dan Rumusan Masalah

Tajuk kajian ini ialah 'Pengamalan Sunnah : Suatu Kajian terhadap Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor. Topik ini menemukan penulis kepada beberapa istilah yang perlu didefinisikan.

**Pertama :** Pengamalan : bermaksud pelaksanaan dan penunaian.<sup>77</sup>

**Kedua :** Sunnah dari sudut :

**Bahasa :** Perjalanan<sup>78</sup> yang dilalui sama ada terpuji atau tidak;<sup>79</sup> juga suatu adat yang telah dibiasakan walaupun tidak baik.<sup>80</sup>

<sup>76</sup>Hishamudin Hashim, *op.cit.*, h. 43.

<sup>77</sup>Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 1161.

<sup>78</sup>Muhammad Syafiq Ghirbāl (1965), *al-Mawsū'ah al-'Arabiyyah al-Muyassarah*. Kaherah : Dār al-Qalam, h. 1021.

<sup>79</sup>Rafiq al-'Ajm (Dr.) et.al. (1996), *Mawsū'ah Kasysyāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*, j. 1. Bayrūt : Maktabah Lubnān, h.979.

<sup>80</sup>Jamāl al-Dīn Muḥammad (Ibn Manẓūr) (1968), *Lisān al-'Arab*, j. 13. Bayrūt : Dār Ṣādir, h. 225.

**Istilah mengikut ahli hadith :** Segala yang dipindahkan dari Rasulullah s.‘a.w. baik merupakan perkataan, perbuatan, *taqrir*, sifat fizikal dan akhlak, ataupun sejarah hidup Rasulullah s.‘a.w. sama ada sebelum baginda dibangkitkan menjadi rasul mahupun sesudahnya.<sup>81</sup> Kebanyakan ahli hadith menetapkan bahawa pengertian sunnah adalah sama dengan pengertian hadith.

**Ketiga :** Kumpulan pengamal sunnah : Golongan, puak dan kelompok<sup>82</sup> pengamal sunnah Rasulullah s.‘a.w. dari segi pegangan, perkataan dan tindakan.

Kesimpulannya, secara umum kajian berkaitan tajuk ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tahap pengamalan sunnah di Malaysia dengan menjadikan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor sebagai sampel kajian.

Hasil daripada pengertian tajuk yang dinyatakan, penulis merumuskan beberapa masalah yang difokuskan dalam kajian ini, iaitu :

- 1) Apakah sebenarnya konsep sunnah, kedudukan serta kepentingan pengamalannya dalam Islam ?
- 2) Siapakah golongan *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* ? Apakah identiti dan manhaj mereka ?
- 3) Siapakah Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor ?  
Bagaimanakah proses kelahiran, perkembangan dan identiti mereka ?

---

<sup>81</sup> Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb (Dr.)(1989), *Uṣūl al-Ḥadīth ‘Ulūmuh wa Muṣṭalaḥuh*, Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 19.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 953.

- 4) Sejauh manakah pengamalan sunnah di kalangan kumpulan-kumpulan ini ?

#### **1.4 Objektif Kajian**

i

Kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut :

1. Memahami konsep sunnah, peranan serta kepentingan pengamalannya dalam Islam.
2. Meneliti ciri-ciri golongan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*, sejarah dan manhaj mereka.
3. Mengenalpasti Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor dengan meneliti proses kelahiran, perkembangan dan identiti mereka.
4. Meneliti pengamalan-pengamalan sunnah di kalangan kumpulan-kumpulan pengamal sunnah ini untuk mengukur sejauh mana kesahihan pegangan mereka terhadap sunnah.

#### **1.5 Kajian-kajian Sebelumnya**

Setakat pengetahuan penulis di sepanjang kajian ini dilakukan, penulis tidak menemui sebarang penyelidikan yang dilakukan khusus terhadap tajuk yang dikemukakan oleh penulis iaitu berkenaan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pengkaji yang ada menyentuh beberapa aspek yang turut dibincangkan dalam kajian penulis. Mereka ialah :

- 1) Zakaria Daud (1997), **“Muhammad Ibn Abd al-Wahab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Perlis”** (Tesis Phd., Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Menerusi kajiannya, pengkaji telah menjalankan kajian terhadap Ahli Sunnah Perlis yang memiliki manhaj dan prinsip yang boleh dikatakan sama dengan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.
- 2) Bungsu @ Aziz bin Ja'far (1988), **“Bid'ah dalam Peribadatan Orang Melayu”** ( Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya). Menerusi kajian ini, pengkaji telah mengenengahkan amalan-amalan bid'ah yang wujud dalam peribadatan orang Melayu. Aspek ini turut dibincangkan oleh penulis, khususnya dalam Bab Keempat.
- 3) Saadan Man (1993), **“Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah: Konsep dan Perlaksanaannya di Negeri Perlis”** (Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya). Pengkaji mengemukakan perbincangan tentang mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* serta perlaksanaannya di negeri Perlis. Aspek ini diketengahkan oleh penulis dalam Bab Ketiga.

Penulis juga mendapati para ulama silam dan kontemporari turut tidak ketinggalan mengupas secara teliti beberapa topik seperti konsep sunnah dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang menjadi sebahagian daripada kajian penulis. Kesemua karya ini merupakan suatu panduan dan rujukan vital dalam memperlengkapkan kajian.

Konsep sunnah telah dibincangkan secara teliti oleh :

- 1) Al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān al-Rāmāhurmuẓī dalam kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayn al-Rāwī wa al-Wā‘il*.
- 2) Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī dalam kitab *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*.
- 3) Aḥmad bin Ḥajr al-‘Asqalānī dalam kitab karangan beliau *al-‘Itiṣām wa al-Sunnah*.
- 4) Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb melalui karya beliau *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*.

Konsep *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* pula turut dibahaskan oleh para ulama, seperti :

- 1) ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī menerusi karya beliau, *al-Farq bayn al-Fīraq*.
- 2) ‘Abd al-Karīm b. Abū Bakr Aḥmad al-Syahrastānī dalam *al-Milal wa al-Niḥal*.
- 3) Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī dalam karya beliau, *al-‘Itiqād ‘alā Madhhab al-Salaf Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.

Kajian yang akan dilakukan oleh penulis merupakan suatu kesinambungan yang mengenengahkan tiga inti utama untuk dikaji iaitu konsep sunnah, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan kumpulan-kumpulan pengamal sunnah. Kelainan ketara yang ingin diketengahkan ialah untuk menilai amalan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor. Adakah ia benar-benar menepati sunnah ?. Jika benar, di manakah titik persamaannya?.

## 1.6 Metodologi Penyelidikan

Perkataan metodologi merupakan gabungan dua perkataan yang berasal dari bahasa Yunani iaitu 'methodos' dan 'logos'. *Methodos*<sup>83</sup> bermaksud cara, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, cara dan sistem.<sup>84</sup> Ia juga dimaksudkan sebagai kaedah atau cara membuat sesuatu.<sup>85</sup> Ia juga merupakan suatu teknik bagi mendapatkan maklumat dan kebenaran bagi suatu proses penyelidikan.<sup>86</sup> Metodologi mengikut persepsi masyarakat umum pula merupakan suatu cara untuk memperolehi pengetahuan atau suatu pendekatan untuk mencapai realiti.<sup>87</sup>

Kesimpulannya, metodologi penyelidikan adalah suatu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif, bertujuan untuk memperolehi, mengumpul, dan menganalisa data yang tepat dan berkesan.<sup>88</sup>

Penyelidikan yang dijalankan oleh penulis merupakan gabungan di antara penyelidikan perpustakaan ( *library research*) dan penyelidikan lapangan (*field*

---

<sup>83</sup>Koentjaraningrat (1985), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia, h. 7.

<sup>84</sup>Zainal Abidin Safarwan, *op.cit.*, h. 1161.

<sup>85</sup>Teuku Iskandar (Dr.)(1996), *Kamus Dewan*, edisi 3, c. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 826.

<sup>86</sup>William Stephenson (1953), *The Study of Behaviour*. Chicago : University of Chicago Press, dikutip oleh John W. Best,(1977), *Research In Education*, c.3. New Jersey : Prentice-Hall, h. 175., Kenneth D. Bailey (1978), *Methods Of Social Research*. New York : The Free Press, h. 26.

<sup>87</sup>F.R. Faridi (1999), *Islamic Research Methodology : Some Reflection* dalam Mohamad Muqim (ed.), *Research Methodology in Islamic Perspective*. Kuala Lumpur : Synergy Books International, h. 54.

<sup>88</sup>S Hadibroto (1965), *Method Research*. (T.T.P.) (T.P), h. 5.



*research*) yang lebih mirip kepada kajian tinjauan (*survey research*)<sup>89</sup> walaupun tidak sepenuhnya.

Kajian ini telah menemukan penulis dengan penggunaan metode-metode berikut bagi mendapatkan data dan membuat penelitian terhadap fakta yang diperolehi untuk memperolehi kesimpulan. Metode-metode tersebut ialah :

1. Metode Penentuan Subjek
2. Metode Pengumpulan Data
3. Metode Penganalisan Data

#### **1.6.1 Metode Penentuan Subjek**

Subjek yang dimaksudkan ialah kelompok orang atau benda yang hendak dikaji. Dengan itu, metode penentuan subjek di sini bermaksud bagaimana cara sesuatu perkara yang hendak dikaji itu ditentukan.

Penulis telah menentukan bahawa subjek kajian dalam penyelidikan ini ialah kumpulan-kumpulan pengamal sunnah. Oleh kerana kemunculan kumpulan-kumpulan yang mendakwa mereka merupakan golongan pengamal sunnah sejati, bertaburan di Malaysia, Nusantara, malah di seluruh dunia, maka penulis telah

---

<sup>89</sup>Kajian tinjauan (*survey research*) dapat dikonotasikan sebagai suatu usaha mendapatkan maklumat daripada suatu sampel orang ramai melalui sejumlah kuesyner (*questionnaire*). Rujuk Donald S. Tull dan Gerald S. Albaum (1973), *Survey Research : A Decisional Approach*. New York : International Textbook Company Limited, h. 2., Winarno Surachmad (Dr.) (1970), *Dasar Dan Teknik Research*. Bandung : Penerbit C.V. Tarsito, h.134., Nick Moore (2000), *How To Do Research*, edisi Ketiga. London : Library Association Publishing, h. XI.

memilih Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di negeri Selangor sebagai sampel<sup>90</sup> dalam kajian ini yang mewakili sejumlah populasi.

Walaupun bagaimanapun, penulis tidak mengkhususkan kepada satu sampel tertentu sahaja, memandangkan terdapat beberapa populasi yang perlu dinilai secara adil bagi menoktahkan kesimpulan yang jitu dan ideal. Penulis telah mengambil lima sampel memandangkan jumlah populasi adalah dalam sekitar jumlah tersebut. Lokasi di negeri Selangor pula dipilih memandangkan ia adalah negeri yang mempunyai kumpulan-kumpulan pengamal sunnah yang paling ramai di Malaysia.<sup>91</sup>

Secara ringkasnya, Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor yang menjadi subjek kajian penulis merupakan kumpulan-kumpulan yang mempunyai beberapa nama yang memiliki organisasi tersendiri. Memandangkan ada kumpulan-kumpulan yang didaftarkan secara rasmi dengan pendaftar pertubuhan dan ada juga yang sebaliknya, penulis membahagikan mereka kepada dua kategori, iaitu :

- i) Kumpulan-kumpulan yang tidak mendaftar sebagai mana-mana organisasi secara sah

---

<sup>90</sup>Sampel ialah sebahagian daripada populasi. Rujuk Kenneth D. Bailey, *op.cit.*, h. 70.

<sup>91</sup>Temu ramah pertama dengan En. Ibrahim Ahmad, bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Jama'ah al-Ehsan Malaysia (al-Ehsan), pada 10 Mei 2001, 5.00-6.30 petang, di Kg. Malaysia Tambahan, Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Kumpulan-kumpulan ini asalnya merupakan individu-individu yang kemudiannya membentuk kumpulan-kumpulan kecil di kawasan-kawasan tertentu di Selangor yang bergerak sendiri di tempat masing-masing. Kawasan-kawasan tersebut ialah :<sup>92</sup>

- Padang Jawa, Klang
- Tanjung Karang
- Kg. Sawah Sempadan
- Teluk Panglima Garang
- Meru, Bukit Kapar
- Sungai Besi
- Kampung Tok Muda

Setiap tempat yang telah disebut di atas hanya memiliki ketua dan organisasi secara tidak rasmi. Keadaan ini berlaku memandangkan mereka masih baru berada dalam pembentukan kumpulan.

- ii) Kumpulan-kumpulan yang mendaftar sebagai sebuah pertubuhan rasmi

Kumpulan-kumpulan ini memiliki nama-nama seperti berikut :<sup>93</sup>

<sup>92</sup>*Ibid.*

<sup>93</sup>Penulis hanya menyenaraikan organisasi-organisasi yang agak terkini dan popular memandangkan penulis menumpukan kepada kajian-kajian terkini bermula tahun 1990an, dengan tidak mengambil kira mana-mana kumpulan, organisasi atau beberapa individu perseorangan sebelum tempoh tersebut yang turut termasuk di dalam kajian tentang pengamalan sunnah ini tetapi tidak mendaftar secara rasmi. Walaubagaimanapun penulis turut menyebut perkara tersebut secara sepintas lalu terutama dalam bab berkaitan sejarah yang ada kaitan dengan kajian.

a) Persatuan Persaudaraan Kebajikan al-Risalah Wilayah Persekutuan dan Selangor (al-Risalah). Badan ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan menggunakan no. pendaftaran 5250/93 Selangor. Alamat berdaftar ialah D/a Surau al-Islah, Kg. Padang Jawa, Kelang.

i

Pertubuhan al-Risalah ini merupakan hasil gabungan kumpulan-kumpulan kecil dari kawasan-kawasan yang telah disebutkan di atas. Matlamat utama ia didaftarkan secara rasmi ialah bagi menyatukan kumpulan-kumpulan kecil yang sudah wujud untuk diiktiraf sebagai suatu kumpulan besar yang mewakili majoriti Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.<sup>94</sup>

b) Pertubuhan Jamaah al-Risalah Malaysia (ringkasnya al-Risalah ). Selepas diluluskan oleh pihak pendaftar pertubuhan ianya dikenali sebagai Pertubuhan Jama'ah al-Ehsan Malaysia (ringkasnya al-Ehsan). Ia didaftarkan pada tahun 1992 dengan menggunakan nombor pendaftaran 5471/94 Selangor beralamat : 80, Jalan SS 2/24, Petaling Jaya, Selangor.

Opis

Kesimpulannya, hasil daripada gabungan ahli-ahli dari Pertubuhan al-Risalah Selangor dan Wilayah yang sedia ada dan individu-individu lain dari beberapa negeri di Malaysia, telah membentuk Pertubuhan al-Risalah Malaysia. Apabila telah diluluskan ia dikenali dengan Jamaah al-Ehsan Malaysia.<sup>95</sup>

c) Pertubuhan al-Khadeem Malaysia, Kg. Kayu Ara, Damansara. Badan ini dipimpin oleh Ustaz Hussein Yee.<sup>96</sup>

---

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> Perlembagaan digubal dengan mengambil contoh perlembagaan PAS dan JIM. Pada mulanya perlembagaan telah digubal dengan nama al-Risalah, tetapi selepas didaftarkan secara rasmi, namanya telah ditukar kepada al-Ehsan tanpa mengubah kandungan asal perlembagaan.

<sup>96</sup> Pertubuhan ini tidak begitu dikenali. Justeru, tidak banyak maklumat berkenaan pertubuhan ini yang boleh didedahkan oleh penulis.

- d) Pertubuhan Kebajikan al-Nidaa' Malaysia (singkatannya al-Nidaa'), ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada Julai 2001, yang dipengerusikan oleh saudara Zainuddin bin Alang Mamat. Pejabatnya terletak di 70B, Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.

Kumpulan-kumpulan yang telah disenaraikan tadi, sering dikaitkan dengan beberapa kumpulan yang mempunyai manhaj yang agak sama seperti mereka di negeri-negeri lain di Malaysia seperti Ahli Sunnah Perlis, Ittiba' al-Sunnah di Negeri Sembilan dan Ansar al-Sunnah di Melaka.

Justeru, walaupun terdapat beberapa nama, namun mana-mana kumpulan pengamal sunnah tidak kira di mana sahaja memiliki persamaan dari pelbagai sudut seperti amalan dan fahaman. Nama sahaja berlainan, tetapi pembawaan mereka adalah sama.<sup>97</sup>

Berdasarkan pengamatan penulis, walaupun terdapat empat kumpulan yang penulis maksudkan sebagai Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor, tetapi pada hakikatnya kesemua empat kumpulan tersebut mewakili satu kumpulan sahaja. Ini kerana, mereka yang terlibat dan menganggotai kumpulan-kumpulan tersebut merupakan individu-individu yang sama. Tambahan pula, setiap organisasi yang telah dinyatakan mempunyai kaitan dari segi sejarah yang

---

<sup>97</sup>Kadang-kadang terdapat di kalangan mereka yang turut menjadi anggota kumpulan lain. Terdapat di dalam ahli al-Risalah merupakan ahli al-Khadeem. Ada juga yang mendaftarkan anak mereka ke sekolah al-Qiblah, atau di Kelantan atas nama individu. Mereka tidak membawa gelaran sebagai ahli al-Risalah atau al-Ehsan, memandangkan persatuan masih belum meluas.

tersendiri di antara satu sama lain. Nama dan organisasi sahaja yang sering berubah disebabkan faktor situasi dan masalah-masalah tertentu.

Oleh yang demikian, penulis akan melanjutkan perbincangan tentang keempat-empat<sup>4</sup> kumpulan yang telah dinyatakan dalam Bab Keempat dengan merangkumkan kesemua maklumat yang diperolehi mengikut subtopik-subtopik tertentu dan bukannya secara berasingan atau satu-persatu mengikut perbezaan nama dan organisasi, sebagaimana yang telah dinyatakan. Penulis juga akan meneliti beberapa aspek pengamalan sunnah yang diamalkan oleh kumpulan-kumpulan ini.

Sebelum mengkaji secara lebih terperinci mengenai pengamalan sunnah di kalangan kumpulan-kumpulan pengamal sunnah ini, penulis terlebih dahulu meneliti tentang sunnah dan kedudukannya dalam syariat Islam. Kajian ini tertumpu sepenuhnya kepada pengamalan sunnah yang diimplimentasikan oleh Rasulullah s.‘a.w., para sahabat dan <sup>tabi’in</sup> dalam sirah mereka.

Penulis juga turut menjuruskan kajian tentang kedudukan dan kehujahan sunnah dalam usaha menjelaskan fungsinya terhadap sumber utama iaitu al-Quran. Kajian turut tidak mengesampingkan definisi dan konsep sunnah dalam Islam. Kajian ini bermatlamatkan untuk memberi gambaran umum mengenai sunnah dan kepentingan pengamalannya.

Penulis juga turut menyentuh tentang golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dengan memperincikan kajian kepada definisi, sejarah kelahiran dan

aliran yang wujud dalam kumpulan tersebut. Prinsip dan manhaj mereka turut dihuraikan secara jelas. Hal ini adalah bertujuan sebagai suatu landasan dan panduan untuk mengukur kesahihan pegangan kumpulan-kumpulan pengamal sunnah yang menjadi objek kajian.

i

### 1.6.2 Metode Pengumpulan Data

Data merupakan bentuk-bentuk keterangan atau maklumat yang diperolehi oleh pengkaji di dalam subjek kajiannya.<sup>98</sup> Data juga merupakan keterangan yang mampu memberikan gambaran tentang suatu keadaan atau persoalan.<sup>99</sup> Maklumat demografi<sup>100</sup> contohnya merupakan salah satu bentuk data.

Sebagaimana yang penulis nyatakan sebelum ini bahawa kajian ini merupakan gabungan dua bentuk penyelidikan, iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

Opis

Penyelidikan perpustakaan dilakukan oleh penulis melalui penyelidikan yang dijalankan dengan cara mengumpul data yang didapati dari sumber-sumber di perpustakaan seperti buku, majalah dan lain-lain.<sup>101</sup> Manakala penyelidikan lapangan memerlukan penulis memperoleh data secara langsung dari responden

---

<sup>98</sup>Jack R. Fraenkel dan Norman E. Wallen (1993), *How To Design And Evaluate Research In Education*. New York : Mc Graw-Hill, h. 101.

<sup>99</sup>J. Supranto (1974), *Metode Riset dan Aplikasinya Di Dalam Riset Pemasaran*. Jakarta : Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 9.

<sup>100</sup>Demografi ialah kajian yang melibatkan perubahan jumlah bilangan kelahiran, kematian, penyakit, dan sebagainya di dalam sesebuah komuniti pada jangkamasa tertentu. Rujuk A S Hornby (1995), *Oxford Advanced Learners Dictionary*. Oxford : Oxford University Press, h. 309., William Allan Neilson, et.al.(1957), *Webster's New International Dictionary*, edisi kedua. Amerika Syarikat : G & C Merriam Company, h. 696.

<sup>101</sup>J. Supranto , *op.cit.*, h. 16.

menerusi temubual atau wawancara dan juga pemerhatian yang bertujuan mengukuhkan kajian yang dijalankan.<sup>102</sup>

Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan data-data yang diperlukan, penulis telah mengunjungi perpustakaan-perpustakaan berikut :

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Zaaba Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Perpustakaan al-Malik Faisal, Pra-Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.
- Perpustakaan Awam Pusat Islam
- Perpustakaan Awam Negara
- Perpustakaan Awam Kelantan
- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bagi mendapatkan data dan fakta, penulis menggunakan beberapa metode, iaitu :

1. Metode Historis
2. Metode Dokumentasi
3. Metode Wawancara
4. Metode Observasi

---

<sup>102</sup> *Ibid.*, h. 10.



## 1. Metode Historis

Metode Historis boleh didefinisikan sebagai proses menguji dan menganalisa secara kritis rakaman dan peninggalan masa lampau.<sup>103</sup>

Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Dengan ungkapan lain, ia merupakan suatu corak penyelidikan yang menggunakan pecahan ilmiah dan perspektif historik tentang masalah yang dibahaskan dalam penulisan ini.

Penulis menggunakan metode ini dalam usaha mendapatkan data-data tentang :

- a. Sejarah Negeri Selangor
- b. Sejarah pengamalan sunnah
- c. Sejarah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*
- d. Sejarah Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor

## 2. Metode Dokumentasi

Metode ini digunapakai oleh penulis melalui penyelidikan yang dijalankan dengan cara mengumpul data yang terdapat dari sumber-sumber di perpustakaan seperti buku, majalah dan lain-lain.

---

<sup>103</sup>Louis Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah*. Nugroho Notosusanto (terj.). Jakarta : Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, h. 32.

Dalam kajian ini, penulis menggunakan metode dokumentasi untuk :

- a. Memberi definisi terhadap beberapa perkataan bagi membincangkan pengenalan sunnah dalam Bab Kedua, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam Bab Ketiga dan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor dalam Bab Keempat.
- b. Mendapatkan fakta-fakta tentang kedudukan dan sejarah pengamalan sunnah, proses kelahiran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* serta kemunculan kumpulan pengamal sunnah.
- c. Mengumpulkan fakta-fakta tentang pengamalan sunnah di kalangan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor dan hadith-hadith hujah mereka. Hadith-hadith tersebut diteliti untuk dinilai kesahihan dakwaan mereka.

Kebanyakan dokumen-dokumen yang digunakan oleh penulis diperolehi dari sumber pertama, manakala sebahagian yang lain merupakan sumber kedua.

Antara dokumen yang digunakan ialah :

- a. Al-Quran dan hadith
- b. Buku-buku bertulis
- c. Bahan-bahan bercetak yang diterbitkan oleh Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.
- d. Akhbar-akhbar, jurnal-jurnal, penerbitan rasmi dan majalah-majalah.

### 3. Metode Wawancara

Wawancara atau temubual mencakupi cara yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan suatu tugas tertentu dengan mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden melalui interaksi secara berhadapan muka dengan individu tersebut.<sup>104</sup> Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data penting, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman.<sup>105</sup>

Metode ini digarap sepenuhnya oleh penulis dalam Bab Keempat untuk mendapatkan fakta dan data yang ada hubungannya dengan kajian, iaitu :

- a. Penulisan tentang Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.
- b. Penulisan berhubung pendapat tokoh tentang Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.

Instrumen untuk mengumpul data ini dianggap antara metode penting dalam kajian ini, di mana penulis memanfaatkan sepenuhnya metode ini untuk melengkapkan sebahagian besar kandungan Bab Keempat. Secara ringkasnya, penulis mewawancara individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.

Kesemua individu yang terpilih untuk diwawancara sememangnya merupakan tokoh-tokoh serta 'orang kuat' dan boleh dianggap sebagai tulang

---

<sup>104</sup>Koentjaraningrat, *op.cit.* , h. 129.

<sup>105</sup>Abu Hassan Othman (Dr.)(1980), *Masalah Penyelidikan di Kota: Suatu Analisa Ringkas* dalam Wan Hashim (et.al.), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

belakang kepada Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor ; sekaligus mempunyai signifikan yang amat penting bagi menyempurnakan kajian ini. Mereka adalah sebagaimana berikut :

;

1) En. Ibrahim Ahmad

- Mantan Setiausaha Agung Pertubuhan Jama'ah al-Ehsan Malaysia (al-Ehsan) dan masih aktif dengan pergerakan yang berkaitan dengan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.
- Merupakan antara individu awal yang mendorong tertubuhnya al-Ehsan dan merupakan interviewee pangkal dalam kajian ini.

2) En. Rashidi bin Bakar

- Pengerusi Pertubuhan Jama'ah al-Risalah Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- Masih aktif dengan pergerakan kumpulan ini.

3) Puan Asmah binti Mohd Bakran

- Isteri En. Rashidi bin Bakar
- Ahli aktif Pertubuhan Jama'ah al-Risalah Selangor dan Wilayah Persekutuan.

4) En. Zainuddin bin Alang Mamat

- Pengerusi Pertubuhan Kebajikan al-Nidaa' Malaysia.

5) Haji Umar bin Mustafa

- Ahli aktif Pertubuhan Jama'ah al-Ehsan Malaysia (al-Ehsan).

6) Puan Kalsom Ahyob

- Istri kepada Haji Ayob Hussein (Allahyarham) (pengasas Jama'ah al-Islah).
- Ahli aktif Pertubuhan Jama'ah al-Risalah Selangor dan Wilayah Persekutuan.

7) Puan Rozana binti Ayob

- Anak kepada Haji Ayob Hussein (Allahyarham).
- Ahli aktif Pertubuhan Jama'ah al-Risalah Selangor dan Wilayah Persekutuan.

8) Ustaz Sofwan Badrie Ahmad Badrie

- Tokoh yang aktif dengan pergerakan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor.
- Merupakan salah seorang tenaga pengajar aktif yang menyampaikan kuliah-kuliah bagi ahli-ahli Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor dan masyarakat setempat.

#### 4. Metode Observasi

Metode Observasi merupakan teknik asas bagi pengumpulan data tentang tingkah laku bukan verbal.<sup>106</sup> Ia merupakan pemerhatian yang melibatkan kelima-lima pancaindera utama iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan dan bau. Metode ini berfungsi sebagai pelengkap data-data yang telah diperolehi melalui penggunaan kepelbagaian metode-metode yang lain.<sup>107</sup>

Terdapat dua jenis metode Observasi yang utama iaitu Observasi Ikut Serta dan Observasi Tanpa Serta. Penulis menggunakan kedua-dua jenis metode ini bagi membuahkan pengumpulan data yang sahih dan jitu.

Metode Observasi merupakan salah satu metode yang tidak boleh dikesampingkan oleh penulis terutamanya dalam mengumpul data-data bagi Bab Keempat. Langkah ini amat penting bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah tepat dan sahih di samping mengelakkan bias terhadap mana-mana pihak bagi membuahkan kesimpulan yang ideal.

##### 1.6.3 Metode Penganalisaan Data

Data-data yang dikumpulkan dianalisa melalui cara-cara berikut :

---

<sup>106</sup>Kenneth D. Bailey . *op.cit.*, h.215.

<sup>107</sup>*Ibid.*

## 1. Metode Kualitatif

Pola penyelidikan jenis ini melibatkan proses menganalisa kualiti sesuatu hubungan, aktiviti, situasi ataupun objek dalam sesuatu kajian;<sup>108</sup> dengan kata lain, ia melibatkan data yang tidak berbentuk angka.<sup>109</sup>

Penulis menggunakan metode ini ketika mengupas Bab Keempat; berkaitan Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di Selangor dengan menumpukan perhatian khususnya kepada pengamalan sunnah di kalangan mereka. Segala metode pengumpulan data digunakan bagi meneliti kefahaman dan pengamalan sunnah di kalangan mereka.

Seterusnya, penulis melakukan *takhrīj* dan *tarjīh* terhadap amalan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tersebut bagi menentukan sejauh mana kesahihan pengamalan sunnah oleh mereka.

## 2. Metode Kuantitatif

Penganalisan data menggunakan metode ini adalah melibatkan data-data yang dikodkan dengan nombor atau angka.<sup>110</sup>

---

<sup>108</sup>Fraenkel, *op.cit.*, h. 380. Analisa ini juga dikenali sebagai analisa bukan melibatkan nombor. Lazimnya, analisa kategori ini terbatas kepada pembolehubah nominal (sebagai contoh : ras, jantina, agama ), atau analisa data pemerhati yang bukan berbentuk perangkaan (tafsiran catatan luar). Rujuk Kenneth D. Bailey, *op.cit.*, h. 51.

<sup>109</sup>J. Supranto, *op.cit.*, h. 4.

<sup>110</sup>*Ibid.*

Penulis ingin menegaskan bahawa metode ini tidak digunakan secara langsung dalam kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana kajian ini tidak melibatkan sebarang data yang dikodkan dengan nombor atau angka untuk dianalisa.

## 1.7 Susunan Penulisan

Kajian ini akan ditulis dalam lima bab yang berasingan.

**Bab Pertama :** Mengandungi pendahuluan, latar belakang kajian, objektif, skop kajian, metodologi penyelidikan serta masalah kajian.

**Bab Kedua :** Berkaitan landasan teori, di mana penulis akan mengupas sunnah dari aspek definisi, kedudukan, peranan, dan pengamalannya di zaman Rasulullah s.‘a.w., para sahabat dan tabi‘in.

**Bab Ketiga :** Memperincikan konsep *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* dari sudut definisi, sejarah, aliran dan dasar mereka.

**Bab Keempat :** Mengandungi laporan penyelidikan dan penganalisan data-data yang telah diperolehi dari sasaran kajian, iaitu ahli-ahli Kumpulan-kumpulan Pengamal Sunnah di negeri Selangor.

**Bab Kelima :** Merupakan bab terakhir dalam kajian, yang mengutarakan beberapa kesimpulan dan saranan sebagai penutup.